



BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH SERTA  
SALAM SEJAHTERA

YANG BERBAHAGIADATUK WIRA MOHD YUSOFF BIN HAJI  
MAHADI, TIMBALAN PRESIDEN FAM

YANG HORMAT DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL, TIMBALAN  
PRESIDEN FAM

DATO'-DATO' DAN TUAN NAIB PRESIDEN FAM SERTA AHLI-AHLI  
JAWATANKUASA EKSEKUTIF FAM BAGI PENGGAL 2017-2021

SEMUA PERWAKILAN DARI AHLI GABUNGAN FAM

Pengerusi Jawatankuasa Tetap dan Badan  
Kehakiman/Bebas FAM

YANG BERUSAHA ENCIK SANJEEVAN C. BALASINGAM, FIFA  
DIRECTOR OF MEMBER ASSOCIATIONS ASIA & OCENIA

REPRESENTATIVES FROM AFC AND AFF

YANG BERBAHAGIA TAN SRI NORZA ZAKARIA, PRESIDEN MAJLIS  
OLIMPIK MALAYSIA.

YANG BERBAHAGIA DATUK MOHD NAZIFUDDIN MOHD NAJIB,  
SETIAUSAHA AGUNG MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA

YANG BERBAHAGIADATO' AHMAD SHAPAWI B. ISMAIL, KETUA  
PENGARAH MAJLIS SUKAN NEGARA

YANG BERUSAHA ENCIK ARRIFIN BIN MOHD GHANI,  
TIMBALAN PESURUHJAYA SUKAN MALAYSIA



SEMUA CALON-CALON YANG BERTANDING UNTUK MENGISI  
JAWATAN AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF FAM BAGI PENGGAL  
2021-2025

YANG BERUSAHA MOHD SAYUTI B SHAMSURI, BRAND AUDIT  
MANAGER TELEKOM MALAYSIA

YANG BERUSAHA TUAN SYED ZAHARUM AMIDI SYED  
MOHAMMED, SPORTS MARKETING MANAGER BANK ISLAM  
MALAYSIA BERHAD

YANG BERUSAHA ENCIK ROSLAN ISMAIL, GLOBAL HEAD, SALES  
MALAYSIA AIRLINES

YANG BERUSAHA CIK CHONG LEE PIENG, SPONSORSHIP &  
ACTIVATION MANAGER CUCKOO

YANG MULIA ENGU ISYAMUDDIN TUAN LOSIN, SPONSORSHIP  
& ACTIVATION MANAGER F&N

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD SAFEET BIN MOHD SALI, PRESIDEN  
PFAM

PENGAMAL MEDIA

PARA HADIRIN DAN PEMERHATI

SEMUA KAKITANGAN SEKRETARIAT AGUNG FAM YANG SAYA  
HORMATI



SEGALA PUJI BAGI ALLAH TUHAN SEKELIAN ALAM, SELAWAT DAN SALAM KEPADA NABI JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W. DAN PARA SAHABATNYA DAN MEREKA YANG MENCONTOKINYA HINGGA HARI KIAMAT. ALLAH HUMA YA ALLAH, SAYA MEMANJAT KESYUKURAN ATAS LIMPAH KEIZINANMU, MAKAN DAPAT KITA DIBERI KESEMPATAN UNTUK BERKUMPUL DAN MENZAHIRKAN KONGRES TAHUNAN FAM KALI KE-57 PADA PAGI YANG MULIA INI. SEMOGA KITA KEKAL DIRAHMATI DAN DILIMPAHI NIKMAT AGAR KITA DAPAT HIDUP DENGAN AMAN, DAMAI DAN HARMONI SERTA DAPAT MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS KITA DIMUKA BUMIINI DENGAN PENUH KETAQWAAN DAN KESABARAN.

SAYA JUGA MENARUH SETINGGI-TINGG HARAPAN AGAR PERJALANAN KONGRES TAHUNAN PADA PAGI INI AKAN BERJALAN DENGAN LANCAR, DISANDARKAN KEPADA KESEPAKATAN YANG JITU SERTA BERLUNASKAN NILAI PROFESIONALISME YANG TINGGI.

TO OUR DEAR FRIENDS AND COLLEAGUES FROM FIFA AND AFC,  
THANK YOU FOR BEING HERE. TODAY MARKS ANOTHER  
IMPORTANT CHAPTER IN THE MALAYSIAN FOOTBALL HISTORY  
AS THE NEW EXECUTIVE COMMITTEE WILL BE ELECTED. WE ARE  
VERY PLEASED TO HAVE ALL OF YOU HERE TODAY. PLEASE  
ENJOY THE MALAYSIAN FOOTBALL HOSPITALITY AND GESTURE.  
NOW ALLOW ME TO ADDRESS THE CONGRESS IN THE  
MALAYSIAN NATIONAL LANGUAGE. BEAR WITH US AND THANK  
YOU ONCE AGAIN.

SIDANG KONGRES DAN PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

APABILA SAYA DIAMANAHKAN UNTUK MEMIKUL  
TANGGUNGJAWAB SEBAGAI PRESIDEN FAM YANG BAHRU  
PADA TANGGAL 14 JULAI 2018, SAYA TELAH MENGGARISKAN 5  
PERKARA ASAS YANG DITERJEMAHKAN KEPADA 27 TUMPUAN



YANG BAKAL MENJADI AGENDA PENTING KEPADA BOLA SEPAK NEGARA. SETIAP SATU PERKARA ASAS BERKENaan BERPERANAN UNTUK MEMULIHkan STRUKTUR BOLA SEPAK NEGARA DAN SETERUSNYA MENGERAKKAN BOLA SEPAK NEGARA SEBAGAI SATU INDUSTRI YANG GAH DAN BERJAYA.

SETIAP SATU PERKARA YANG TELAH SAYA KUPAS SEMASA KONGRES KE-54 TELAH DIPERHALUSI DAN DISUSUN SEMULA UNTUK MENJADI SATU PELAN HALATUJU YANG BUKAN SEKADAR KOMPREHENSIF, TETAPI JUGA PRAKTIKAL DAN REALISTIK. MESKIPUN PELAN YANG DIJENAMAKAN SEBAGAI F:30INI MENSASARKAN TEMPOH JANGKA PANJANG, NAMUN IANYA JUGA MERUPAKAN SATU PELAN YANG BOLEH DIUBAHSUAI MENGIKUT KESESUAIAN DAN SITUASI SEMASA MELALUI PENGENALAN KITARAN 4 TAHUN BAGI SETIAP SATU KOMPONEN F:30 ITU SENDIRI.

BAGI KITARAN PERTAMA IAITU BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2022, TUMPUAN BERKISAR KEPADA 3 TUNJANG UTAMA IAITU TADBIR URUS, PEMBANGUNAN DAN PERTANDINGAN. KETIGA-TIGA TUNJANG INI MEMBAWA MAKSUD MEMBINA SEMULA ASAS DAN FUNDAMENTAL BOLA SEPAK NEGARA.

BERSEMPENA DENGAN TEMPOH PERKHIDMATAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF YANG SEDIA ADA YANG AKAN BERAKHIR, ADALAH ELOK UNTUK SAYA BERKONCSI PENCAPAIAN KITARAN PERTAMA F:30 SETAKAT 2020.

TADBIR URUS YANG MERUPAKAN TUNJANG TERPENTING TELAH MEMPERLIHATKAN PENCAPAIAN DARI SEGI PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN DAN SETAKATINI TELAH MELEPASI 40% DARIPADA KESELURUHAN TARGET. BUDAYA KERJA YANG MERUPAKAN



TULANG BELAKANG KEPADA KONSEP PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TELAH MENGECAPI PENINGKATAN SEHINGGA 43%. DARI KONTEKS POLISI PULA, STATUTE REFORMS TELAH BERJAYA MENCAPAI 60%, JENAMA FAM SEBANYAK 52% SEMENTARA PENGERAK INDUSTRI TELAH MEREKODKAN 33%. ANTARA PENCAPAIAN YANG CUKUP SIGNIFIKAN DALAM TEMPOH 2 TAHUN INI, SAYA RINGKASKAN SEPERTI BERIKUT:

1. PEMBAHARUAN STATUT FAM DAN AHLI FAM AGAR IANYA SELARI DENGAN APA YANG MENJADI AMALAN AFC DAN FIFA;
2. PENGENALAN BEBERAPA DOKUMEN PERUNDANGAN YANG BERMATLAMAT UNTUK MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA PERMAINAN BOLA SEPAK DAN SETIAP PEMEGANG TARUHNYA SEPERTI PERATURAN ORGANISASI FAM, KOD ETIKA, KOD PEMILIHAN, PERATURAN YANG MENGAWAL PEMAKAIAN STATUT DAN BANYAK LAGI;
3. MEWUJUDKAN BADAN-BADAN BEBAS DALAM STRUKTUR PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN FAM SEPERTI FIB, AB, NDRC DAN JAWATANKUASA PEMILIHAN;
4. PENYEDIAAN PERATURAN DAN DASAR KHUSUS UNTUK MENANGANI IMPAK PANDEMIK COVID-19 SEPERTI SOP BOLA SEPAK DAN GARISPANDUAN PENGGAJIAN PEMAIN DAN PEGAWAI;
5. PEMERKASAAN PENGURUSAN KEWANGAN SEPERTI PENGENALAN PROSES BELANJAWAN YANG TELUS DAN BERHEMAH;
6. PENGUKUHAN HUBUNGAN DIANTARA FAM DAN AHLI FAM MELALUI PENGENALAN BEBERAPA PROGRAM KHUSUS



SEPERTI MESYUARAT TAHUNAN PRESIDEN FAM DENGAN PRESIDEN AHLI FAM, LAWATAN KERJA, BENGKEL SETIAUSAHA TAHUNAN DAN BANYAK LAGI;

7. MEMPERTINGKATKAN PEMBINAAN KEUPAYAAN DAN MODAL INSAN SECARA BERTERUSAN SAMA ADA MELALUI PROGRAM DALAMAN ATAU PUN PENYERTAAN DALAM PROGRAM LUARAN YANG DIANJURKAN OLEH AFC DAN FIFA.

PEMBANGUNAN YANG MERUPAKAN TUNJANG KEDUA JUGA TELAH MEREKODKAN PENCAPAIAN YANG CUKUP MEMBANGGAKAN. KEJURULATIHAN DAN PEMBANGUNAN AKAR UMBI TELAH MENCAPAI SASARAN TERTINGGI IAITU SEBANYAK 81% BAGI SETIAP KOMPONEN, DIIKUTI OLEH PELAN STRATEGIK PASUKAN KEBANGSAAN IAITU SEBANYAK 80%. PEMBANGUNAN PRO FOOTBALL JUGA TELAH BERJAYA MENGECAPI 61%. LAIN-LAIN KOMPONEN SEPERTI FUTSAL & BOLA SEPAK PANTAI, BOLA SEPAK WANITA, KEPENGADILAN DAN FAM A.C.E PROJECT TELAH MEREKODKAN 23%, 40%, 45% DAN 30% BAGI SETIAP SATU KOMPONEN.

SEPERTIMANA TADBIR URUS, PEMBANGUNAN JUGA TELAH MENGHASILKAN BANYAK KEJAYAAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN. ANTARA CONTOH-CONTOH PENCAPAIAN YANG DIMAKSUDKAN, ADALAH:

1. PELANCARAN MALAYSIAN FOOTBALL DNA;
2. PENINGKATAN KELOMPOK INSTRUKTUR JURULATIH DAN JURULATIH YANG BERTAULIAH;



3. PENGANJURAN KURSUS KEJURULATIHAN AFC PRO DIPLOMA YANG PERTAMA;
4. MENDAPAT PENGiktirafan Daripada AFC Seperti Category A Member of AFC Coaching Convention, AFC Dream Asia Awards 2018 dan 2019, AFC Elite Youth Scheme dan AFC Grassroots Charter;
5. PENGENALAN FAM SUPARIMAU CHARTER;
6. PENGENALAN FAM PRO REFEREE PROGRAM;
7. PENGENALAN PELAN PEMBANGUNAN BOLA SEPAK WANITA KEBANGSAAN;
8. PROGRAM PRO FOOTBALL YANG MENYAKSIKAN PEMISAHAN FA DAN FC YANG BERKUATKUASA SEPENUHNYA PADA TAHUN INI;
9. MENGADAKAN PROGRAM DENGAN PERSATUAN KEBANGSAAN YANG LAIN SEPERTI JFA MELALUI PERSEFAHAMAN DUA HALA;
10. PEMERKASAAN AHLI FAM MELALUI PENGENALAN FAM A.C.E PROGRAM.

KEKUATAN KITA DALAM BIDANG PENGURUSAN PERTANDINGAN YANG JUGA MERUPAKAN TUNJANG KETIGA DALAM KITARAN PERTAMA F:30 TERUS DIPERKUKUHKAN. DALAM TEMPOH 2 TAHUN PERTAMA, KOMPONEN STRUKTUR PERTANDINGAN YANG MENYAKSIKAN PENCAPAIAN TERTINGGI IAITU SEBANYAK 90% DIMANA BOLA SEPAK LELAKI TELAH MEREKODKAN



PENCAPAIAN SEHINGGA 74%, DIIKUTI OLEH BOLA SEPAK WANITA DAN FUTSAL YANG MASING-MASING TELAH MEREKODKAN PENCAPAIAN SEKITAR 34% DAN 25%.

PENCAPAIAN SETIAP SATU KOMPONEN BOLEH DILIHAT DENGAN JELAS MELALUI PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR PERTANDINGAN SEPERTI PIALA PRESIDEN, PIALA BELIA DAN PIALA TUN SHARIFAH RODZIAH. PENGENALAN MPFL JUGA MEMBERI IMPAK YANG CUKUP BESAR DALAM USAHA FAM UNTUK MENGANGKAT FUTSAL KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. MEMPELOPORI INISIATIF YANG BERSIFAT HOLISTIK JUGA TELAH DIMULAKAN DIMANA PROGRAM MOVE FOOTBALL BAKAL MENYAKSIKAN SATU LANDASAN PERTANDINGAN YANG BERSISTEMATIK DISEDIAKAN UNTUK MEMBANTU PROSES PEMBANGUNAN PEMAIN DARI USIA 12 TAHUN HINGGALAH KE PERINGKAT SENIOR. SELAIN ITU, PENGUMPULAN DATA DAN PENGURUSAN PERLAWANAN DAN PERTANDINGAN SECARA BERSEPADU TELAH DIBANGUNKAN OLEH FAM MELALUI PLATFORM C.M.S.

RAKAN SEPERJUANGAN YANG SAYA HORMATI,

SEMUA KITA MENGAKU DIRI SEBAGAI PENDUKUNG BOLA SEPAK NEGARA. MALANGNYA, KITA SERING LALAI DAN ALPA YANG BOLA SEPAK ITU ADALAH PERMAINAN BERPASUKAN. SEPERTIMANA PERMAINAN BOLA SEPAK, PENGURUSAN BOLA SEPAK JUGA BERPAKSIKAN FALSAFAH YANG SAMA. DALAM INDUSTRIINI, TIADA SIAPA YANG LEBIH BESAR ATAU LEBIH PENTING DARIPADA SEORANG YANG LAIN. IT IS NOT ABOUT YOU OR ME. IT IS ABOUT US.

ATAS KESEDARANINI, SAYA SERINGKALI MEMIKIRKAN TENTANG PERJUANGAN SECARA BERPASUKAN. SOLIDARITI, KESEPAKATAN DAN KEAKRABAN DALAM KALANGAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF



SELAKU BADAN PENGGUBAL DASAR HINGGALAH KE PERINGKAT SEKRETARIAT AGUNG SEBAGAI BADAN PELAKSANA, DARI KONGRES HINGGALAH KE AHLI FAM DAN DARIPADA KITA SEMUA HINGGALAH KE SETIAP RAKYAT YANG MENCINTAI SUKAN INI, HARUSLAH MELETAKKAN KEPENTINGAN BOLA SEPAK MELANGKAUI DAN MELEBIHI SEGALA-GALANYA.

SIDANG PERWAKILAN YANG BUDIMAN,

KESINAMBUNGAN KEPADA SEGALA USAHA YANG TELAH DIJALANKAN MEMERLUKAN BARISAN PEMIMPIN BAHARU YANG KOMITED. ANDAI KEPIMPINAN BAHARU MENGANGKAT AGENDA YANG BERBEZA, NESCAYA, F:30 AKAN BERAKHIR SEBAGAI PELAN YANG SIA-SIA DAN IMPIAN KITA SEMUA AKAN TERKUBUR NYATA. JUSTERU, KONGRES PADA KALI INI ADALAH SATU PERSIDANGAN YANG AMAT PENTING DIMANA IANYA AKAN MENCORAKKAN MASA DEPAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA APABILA BARISAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF YANG BAHARU AKAN DIBENTUK BAGI TEMPOH PERKHIDMATAN SELAMA 4 TAHUN LAGI. PENCAPAIAN PADA HARI INI HARUS DIPERKUKUHKAN KEESOKANNYA, KELEMAHAN PADA HARI INI WAJAR DIJADIKAN IKTIBAR UNTUK KEBANGKITAN SEMULASELEPASINI, SEJARAH LAMPAU HENDAKLAH DIJADIKAN PANDUAN UNTUK MENGERAKKAN KOMITMENSETERUSNYA.

PERTAMA, BOLA SEPAK NEGARA AMAT DAHAGAKAN PENGERAK AGENDA BOLA SEPAK NASIONAL. KEDUDUKAN DALAM JAWATANKUASA EKSEKUTIF BERSIFAT SEDEMIKIAN, IANYA TIDAK WAJAR DIHADKAN KEPADA AGENDA PERIBADI, AGENDA KELAB MAUPUN AGENDA NEGERI. CARILAH TOKOH YANG MEMENUHI KRITERIA INI.

KEDUA, FAM BUKANLAH SATU ORGANISASI YANG BERSIFAT EKSKLUSIF, SEBALIKNYA KITA MENGAMBIL PENDEKATAN INKLUSIF.



PENYERTAAN SEMUA PIHAK ADALAH PENTING. KEKADANG APABILA KITA SUDAH BERADA DALAM EKOSISTEM BOLA SEPAK YANG AGAK LAMA, KEMUNGKINAN ADALAH CUKUP BESAR UNTUK KITA TERUS TERPERANGKAP DENGAN CARA KITA MELIHAT SESUATU PERKARA SEHINGGA SUKAR UNTUK KITA MENCARI JALAN PENYELESAIAN YANG IDEAL. OLEH ITU, PENYERTAAN OLEH ORANG YANG BUKANNYA DATANG DARI EKOSISTEM YANG SEDIA ADA, MUNGKIN MAMPU MENAWARKAN PENYELESAIAN KEPADA SEMUA persoalan ini. MAKA, BUKALAH PELUANG KEPADA MANA-MANA CALON YANG DIRASAKAN MAMPU UNTUK MENGUBAH MASA DEPAN BOLA SEPAK NEGARA.

KETIGA, CARILAH CALON YANG MEMPUNYAI KETOKOHAN YANG DIPERLUKAN. SEBAGAI UMAT ISLAM, WAJAR KITA MENYELAMI TUNTUTAN AGAMA SEPERTIMANA FIRMAN ALLAH SWT DALAM SURAH AN-NISA AYAT 58-59.

4:58

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدِيُوا

الْأَمْرَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ

بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ

58

يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

4:59

يَأْتِيهِمَا الَّذِينَ إِمَانُوهُ أَطِيعُوهُ اللَّهُ وَأَطِيعُوهُ

الرَّسُولُ وَأَوْلَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنْزَعُمُ

فِي شَيْءٍ فَرَدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ

كُنُّتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ



## YANG BERMAKSUD

SESUNGGUHNYA ALLAH MENYURUH KAMU MENYAMPAIKAN AMANAT KEPADA YANG BERHAK MENERIMANYA, DAN (MENYURUH KAMU) APABILA MENETAPKAN HUKUM DI ANTARA MANUSIA SUPAYA KAMU MENETAPKAN DENGAN ADIL. SESUNGGUHNYA ALLAH MEMBERI PENGAJARAN YANG SEBAIK-BAIKNYA KEPADAMU. SESUNGGUHNYA ALLAH ADALAH MAHA MENDENGAR LAGI MAHA MELIHAT.

HAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, TAATILAH ALLAH DAN TAATILAH RASUL (NYA), DAN ULIL AMRI DI ANTARA KAMU. KEMUDIAN JIKA KAMU BERLAINAN PENDAPAT TENTANG SESUATU, MAKAN KEMBALIKANLAH IA KEPADA ALLAH (AL QURAN) DAN RASUL (SUNNAHNYA), JIKA KAMU BENAR-BENAR BERIMAN KEPADA ALLAH DAN HARI KEMUDIAN. YANG DEMIKIAN ITU LEBIH UTAMA (BAGIMU) DAN LEBIH BAIK AKIBATNYA.

SURAH INI MEMBERI GAMBARAN MENGENAI CIRI-CIRI KEPIMPINAN YANG DITUNTUTKAN OLEH ISLAM YANG ANTARA LAINNYA MENYENTUH ELEMEN BERIKUT:

- KEPIMPINAN HARUS DISERAHKAN KEPADA YANG AHLINYA, YAKNI SEORANG YANG PAKAR;
- SEORANG YANG AMANAH DAN MENGETAHUI TATACARA KERJA YANG BETUL;



- SEORANG YANG ADIL DAN SAKSAMA; DAN
- SEORANG YANG DITAATI SERTA MENDUKUNG RASA HORMAT DARI KALANGAN PENGIKUTNYA.

YANG TERAKHIR, JANGANLAH ANDA MEMBIARKAN DIRI ANDA TERPENJARA DENGAN CARA DAN BUDAYA YANG JUMUD DAN TERIKAT DENGAN FALSAFAH YANG KOLOT. SEMUAINI MEMBELENGGU KITA DARIPADA TERUS BERKEMBANG MAJU.

KEPADAPARA CALON YANG BAKAL BERTANDING PADA PAGI INI DAN BERBEKALKAN KEJUJURAN DAN KEIKHLASAN, SAYA KONGSIKAN SECEBIS PERINGATAN.

FAM ADALAH BADAN PENGAWAL BOLA SEPAK NEGARA, BERPERANAN UNTUK MENDUKUNG TANGGUNGJAWAB YANG CUKUP BESAR. FAM SEBAGAI AHLI KEPADA AFC DAN FIFA, MEMBERI JAMINAN BAHAWA AMALAN DEMOKRASI AKAN SENTIASA DIUTUHKAN. INDUSTRI BOLA SEPAK YANG KITA BINA MENDAMBAKAN BARISAN PEMIMPIN YANG BERUPAYA MEMELIHARAKAN INDUSTRIINI. INDUSTRI YANG BARU BERTAPAK MEMERLUKAN PERANAN KITA UNTUK MELETAKKAN IANYA SEBARIS DENGAN INDUSTRI LAIN YANG SUDAH TERBUKTI BERJAYA DAN BERDAYA SAING. INDUSTRI BOLA SEPAK MENUNTUT CAMPUR TANGAN KITA AGAR KEMELUT YANG MELANDA INDUSTRI SELAMAINI MAMPU DIPULIHKKAN SEGERA. INILAH YANG DIHARAPKAN. SAYA PASTI ANDA SEMUA TELAH BERKEMPEN HEBAT, MUNGKIN TURUT MENJANJIKAN PELBAGAI PERANCANGAN DAN TIDAK KURANGJUGA, MEREKA HARAPAN. SAYA TERIMA SEADANYA, AFTER ALL A LEADER IS THE ONE WHO INSPIRES OTHERS TO DREAM MORE, LEARN MORE, DO MORE AND BECOME MORE.

HAVING SAID THAT, YOU OUGHT TO UNDERSTAND THE NATURE AND THE STATE THAT WE ARE IN.



FAM DAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA DAHAGAKAN SUMBANGAN ANDA, BUKAN SEORANG YANG MENJADIKAN FAM DAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA SUMBANG.

FAM DAN INDUSTRI BOLA SEPAK NEGARA MENGIMPIKAN PEMIMPIN YANG PANDAI, BUKAN SEORANG YANG HANYA MEMANDAI-MANDAI.

DIKESEMPATAN YANG SAMA, SAYA INGIN MERAKAMKAN JUTAAN PENGHARGAAN KEPADA SEMUA BARISAN JAWATANKUASA EKSEKUTIF YANG TELAH BERGANDING BAHU DENGAN SAYA SELAMA 3 TAHUNINI. BERPANAS DAN BERHUJAN, BERLUMPUR DAN BERKUBANG, MENITI DAN MENDAKI, SEDIH DAN MENANGIS, GELAK DAN KETAWA KITA BERSAMA. SAYA SERONOK DAN BAHAGIA DIDAMPINGI ANDA SEMUA DAN SAYA HARAP KEHADIRAN SAYA BERSAMA ANDA DIJELMA SERUPA YOU HAVE SERVED WELL; I COULDN'T ASK FOR MORE. TIADA MUNGKIN SAYA MAMPU MELAKSANAKAN KESEMUANYA, BERSEORANGAN. SEGALA SOKONGAN, BANTUAN, DORONGAN, PANDANGAN, KRITIKAN DAN TEGURAN ANDA, AKAN SAYA ABADIKAN SAMPAI BILA-BILA. THANK YOU, MY DEAR COMRADES, AND THANK YOU MY DEAR FRIENDS.

KEPADА ANDA YANG BAKAL BERTANDING SAMA ADA UNTUK MEMPERTAHANKAN JAWATAN ATAU UNTUK JAWATAN YANG LAIN, SELAMAT BERTANDING SAYA UCAPKAN. KEPADA ANDA YANG SUDAH MENETAPKAN HASRAT UNTUK BERUNDUR DARI KERUSI JAWATANKUASA EKSEKUTIF, SELAMAT MAJU JAYA SAYA RAKAMKAN. SESUNGGUHNYA PINTU KE FAM AKAN TERUS TERBUKA LUAS. PENYERTAAN ANDA DALAM KELUARGA BOLA SEPAK NEGARA TETAP DITAGIH, BIARLAH ATAS APA JUA KAPASITI PUN. KEPADA MEREKA YANG BERJAYA DALAM PERSAINGANINI NANTI DAN KEPADA MEREKA YANG SUDAH BERJAYA MELEPASI PERSAINGAN TANPA PERTANDINGAN, TAHNIAH SAYA UCAPKAN.



KEPADА MEREKA YANG GAGAL, JANGAN BERPATAH ARANG DAN JANGAN SEKALI-KALI BERKERAT ROTAN DENGAN BOLA SEPAK NEGARA. SETIAP KEGAGALAN PASTI AKAN MEMBUAT ANDA MENJADI LEBIH PERKASA. PEMILIHAN HANYA LAH AMALAN DEMOKRASI UNTUK MENGISI POSISI, TIDAK SEKALI-KALI MEMBENTUK BUDAYA BERSETERU, APATAH LAGI MENJADIKAN MINAT ITU LESU DAN LAYU.

UNTUK MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA PAGI INI, IZINKAN SAYA UNTUK BERKONGSI PETIKAN PUSSI INI.

MENTARI SUDAH HILANG  
GELAP SUDAH MENJELANG  
AKANKAH KEAJAIBAN ITU DATANG?  
ATAUKAH HANYA KHAYALAN YANG TERBUANG?  
SAYAP MALAM MENUTUP PERLAHAN  
PANAS SIANG SUDAH TERLUPAKAN  
PERCIKAN AIR ADALAH TERPAAN  
LANGKAH KAKI INI ADALAH HARAPAN

KINI KITA SUDAH LELAH BERJALAN  
BERJALAN MENELUSURI LIKU-LIKU KEHIDUPAN  
APAKAH KITA MASIH BISA BERTAHAN?  
ATAU HANYA BISA TERBUJUR DINEGERI KHAYALAN?  
MERATAPI AKAN DATANGNYA KEAJAIBAN

SELAMAT BERSIDANG SAYA UCAPKAN.

WABILLAH! TAUFIQ WAL-HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.